

PERSEPSI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING DALAM MENJALANKAN KAUNSELING KERJAYA DIKALANGAN MURID BERKEPERLUAN KHAS

Sazalia Mohd Salleh

Tel:+6013-4731085 Email: sazalia5360@gmail.com

Rosadah Bt Abdul Majid

Tel:03-89216273 Email :drrosadahm@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) terhadap pembentukan kerjaya murid berkeperluan khas (MBK) memerlukan tahap profesionalisme yang tinggi dalam profesion tersebut. Tahap profesionalisme ini berkait rapat dengan kesediaan guru dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling kerjaya. Kesediaan GBK adalah dari segi persepsi guru itu sendiri dalam menjalankan kaunseling kerjaya samada mengikut keperluan murid berkeperluan khas atau sebaliknya. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana persepsi GBK terhadap latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam menjalankan kaunseling kerjaya bagi murid berkeperluan khas. Reka bentuk kajian tinjauan telah dipilih dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara kuantitatif untuk menentukan tahap persepsi dan komitmen GBK dalam melaksanakan kaunseling kerjaya bagi MBK. Dapatan menunjukkan persepsi GBK terhadap kesemua item berada tahap yang sederhana, dan komitmen guru dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling kerjaya MBK tidak menunjukkan pencapaian yang baik. Selain itu, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan diantara skor persepsi dengan skor komitmen dalam kalangan GBK. Ilmu serta kemahiran GBK perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan keberkesanan proses kaunseling dan bimbingan kerjaya dalam membentuk kemenjadian MBK.

Kata Kunci: *Kaunseling kerjaya, persepsi*

PENGENALAN

Pekerjaan merupakan salah satu elemen penting dalam menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup seseorang individu. Elemen ini dapat memenuhi keperluan asas manusia seperti yang dinyatakan dalam teori hierarki keperluan Maslow untuk seseorang itu berfungsi dengan sempurna (Ridzuan, Arman & Razlina, 2018). Kefungsian ini melibatkan semua individu tanpa mengira tahap keupayaan seseorang termasuklah orang kurang upaya. Berdasarkan kepada Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 yang telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008, kerajaan Malaysia telah menggubal dasar agar golongan istimewa ini tidak ketinggalan dan terus dipinggirkan dalam bidang pekerjaan dengan adanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 yang menekankan kuota 1% peluang pekerjaan di sektor awam dan sektor swasta bagi golongan OKU melalui Akta OKU 2008, dalam Bab 1, Fasa 29 (1) ada menyatakan bahawa: "Orang kurang upaya hendaklah

mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.” mendapat penempatan kerjaya yang lebih baik (Hazlin et.al, 2015).

Dengan adanya akta dan pekeliling tersebut, ia membolehkan pasaran kerja terbuka luas untuk golongan OKU. Bagi memenuhi pasaran kerja ini, Nurul (2012) & Wamocho, I., Karugu & Nwoye (2015) mengesyorkan golongan OKU perlu bersedia di peringkat persekolahan lagi supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan kerjaya yang dipilih. Penyesuaian ini memerlukan mereka mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi dalam membuat pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan diri mereka (Sarkees,2003). Pada masa yang sama juga, murid-murid berkeperluan khas perlu meningkatkan potensi diri tanpa memikirkan kekurangan diri dalam mencapai kerjaya yang diimpikan. Menurut Sabrina dan Safani (2016) menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah panduan dalam usaha mendidik MBK agar berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang dan mengurus diri, mampu menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada falsafah tersebut, setiap individu perlu membuat keputusan mengenai kerjaya. Mereka perlu menyesuaikan masalah yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya kerana kerjaya merupakan kegiatan utama dalam menentukan cara serta gaya hidup seseorang (Herbert, Lorenz, & Trusty,2010). Dalam dunia pekerjaan yang semakin kompleks, pemilihan kerjaya telah menjadi masalah utama. Dalam hal ini, pemilihan kerjaya melibatkan tiga perkara, iaitu mengenal diri, mengenal dunia pekerjaan dan memadankan diri dengan pekerjaan. Menurut Ogbuoji (2015) dan Mohammad (2013) perkara penting di sini ialah faktor dalam menentukan kejayaan individu dalam sesuatu kerja iaitu faktor diri individu itu sendiri yang meliputi aspek personaliti, minat dan pencapaian. Minat yang tinggi terhadap aktiviti sesuatu pekerjaan antara sebab mengapa seseorang itu menceburkan diri dalam sesuatu pekerjaan (Normala, 2013).

Pemilihan kerjaya dalam kalangan murid berkeperluan khas sangat memerlukan peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) bagi membantu mereka mengetahui kerjaya yang sesuai untuk dirinya sendiri. Gottfredson, L. S. (2005) menyatakan bahawa peranan GBK dalam membantu murid berkeperluan khas diperlukan dalam bentuk pemberian keterampilan vokasional disesuaikan dengan jenis minatnya seperti keterampilan menjahit, membatik, memasak, pembekelan dan sebagainya. Hall (2015) dan Baditoi, & Brott, (2011) menjelaskan keperluan GBKSM yang profesional dalam pembentukan kerjaya MBK dapat menangani keperluan pembangunan semua murid menerusi penyampaian program kaunseling sekolah yang komprehensif. Program khas yang direka perlu menggalakkan dan meningkatkan akademik, kerjaya, dan pembangunan peribadi atau sosial (Buckley& Mahdavi, 2018). Inisiatif ini dapat membantu semua murid dalam memaksimumkan pembangunan peribadi mereka. Di atas keperluan tersebut, kaunseling kerjaya untuk MBK ini adalah penting dalam pendidikan pra pekerjaan yang mempunyai pengaruh ke ke dalam pasaran buruh dan sosialisasi manusia (Baranauskiene, Radzeviciene, Valaikiene & Kossewska, 2012).

Perkhidmatan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas ini adalah sebahagian daripada fokus perkhidmatan yang telah tersenarai dalam buku rekod perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Persatuan Kaunselor Sekolah Amerika (ASCA 2000: 1) menjelaskan perkara ini secara menyeluruh, *‘Professional school counselors are advocates, leaders, collaborators, and consultants who create opportunities for equity in access and success in educational opportunities by connecting their programs to the mission of schools’*.

Tanggungjawab kaunselor profesional adalah luas berdasarkan kepada prinsip: iaitu semua murid tanpa mengira latar belakang kelas dan etnik adalah berhak untuk dihormati dan menerima khidmat kaunseling. Perkara 28(1), Akta 685 menjelaskan bahawa golongan berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan dan tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Manakala perkara 28(2) Akta yang sama memperuntukkan bahawa kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan murid berkeperluan khas dari segi prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas (Junaini Hassan, 2000; Ling Chu Siong, 2000; Safiah Sudin, 2001; & Zinaida Ariffin, 2003 ; Zemi, Noor, Nurul & Ashli, 2015). Rohany Nasir (2003) pula menyenaraikan masalah-masalah yang dihadapi golongan berkeperluan khas apabila berada di alam pekerjaan antaranya sikap, kurang model peranan, limitasi dalam pengalaman awal, penyesuaian generalisasi, konsep sendiri, kemahiran berdikari, kemahiran sosial dan interpersonal serta masalah kemampuan membuat keputusan. Justeru itu, perkara ini perlu diambil perhatian oleh guru kaunseling sejak dari awal persekolahan lagi agar golongan ini dapat mengatasi masalah tersebut. Maka dengan itu amalan dan praktis GBK dalam memaksimumkan potensi MBK di perlukan untuk membina kerjaya mereka pada masa hadapan (Hall, 2015). Amalan dan praktis GBK sangat penting bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dalam anjakan kesepuluh menyatakan tentang keberhasilan murid.

Fenomena ini jelas menunjukkan perkhidmatan kaunseling mengalami transformasi seiring dengan perkembangan kaunseling dunia. Transformasi tersebut memerlukan GBK mempunyai kemahiran kaunseling multibudaya terhadap golongan minoriti dan ketidakupayaan (Kamarul, 2014 & Rohaida 2017). Sudah pastinya kaunseling multibudaya ini menjadi cabaran kepada semua GBK untuk mengendalikannya dalam populasi yang berbeza (Abu, 2015). Cabaran tersebut telah pun dibincangkan dalam beberapa kajian oleh Azemi et. al (2015) ; Norafifah dan Mohammad (2017) ; Aida, Salleh dan Abu (2018) tentang keterlibatan GBK mengendalikan kaunseling yang melibatkan MBK . Antara cabaran yang dibincangkan ialah dari segi kemahiran komunikasi, budaya dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun persoalan yang wajar dipertimbangkan adalah, sejauh manakah perkhidmatan kaunseling yang disediakan dalam sistem pendidikan kebangsaan mampu memenuhi keperluan populasi pelajar yang berbeza-beza? Kepelbagaian yang wujud dalam kalangan pelajar (daripada mereka yang mempunyai masalah pembelajaran, kepada pelajar yang pintar dan berbakat) memerlukan kaunselor membezakan perkhidmatan yang diberikan.

Persoalan tersebut telah mencetuskan persepsi di kalangan GBK terhadap kesediaan mereka untuk melaksanakan kaunseling kerjaya. Menurut Muhammad (2015) persepsi ialah tanggapan atau gambaran diri terhadap sesuatu perkara yang mempengaruhi penilaian sendiri dan tindak balas. Persepsi ini mungkin di pengaruhi oleh faktor demografi yang tanpa disedari membentuk efikasi sendiri dalam menjalankan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas (Aida, Salleh dan Abu, 2018; Rohaida, 2017). Pada masa yang sama,

persepsi GBK dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran akan menentukan keberhasilan pelaksanaan kaunseling tersebut (Abu, 2002). Kajian ke atas persepsi di kalangan GBK secara tidak langsung akan menentukan tahap kompetensi GBK dalam melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan MBK. Penentuan ini dapat dibuktikan oleh Model Kompetensi *Iceberg* yang merujuk kepada elemen kemahiran, pengetahuan dan tingkahlaku yang dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi seorang individu (Putera & Hizatul, 2004)

Oleh yang demikian, kajian ke atas kesediaan GBK untuk menjalankan kaunseling kerjaya dikalangan MBK perlu dilaksanakan. Kajian ini akan melihat tahap persepsi GBK terhadap latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran. Sebagai tambahan, kajian ini juga akan mengkaji hubungan antara tahap persepsi GBK terhadap latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya MBK.. Secara khusus 2 persoalan kajian ialah 1) Apakah persepsi guru bimbingan dan kaunseling dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas?.2)Apakah hubungan di antara persepsi guru bimbingan dan kaunseling dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas?.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan rekabentuk tinjauan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Kaedah tinjauan digunakan kerana ianya dapat memperihalkan persepsi serta memberikan maklumat yang jelas tentang sesebuah populasi (Creswell, 2005). Populasi kajian ini terdiri daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berkhidmat di Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor. Pemilihan sampel dibuat menggunakan teknik persampelan rawak secara strata mengikut jenis aliran sekolah iaitu aliran integrasi dan vokasional di sekolah menengah. Saiz sampel seramai 45 orang adalah melebihi bilangan minimum 40 sampel berdasarkan jadual penentuan oleh Krejcie dan Morgan (1970), dan sekurang-kurangnya 40 orang sampel berdasarkan formula yang dikemukakan oleh Cochran (1977). Daripada jumlah tersebut, hanya 40 orang GBK dari sekolah menengah aliran integrasi sahaja yang diambil sebagai sampel kajian setelah melalui proses pembersihan data. Profil responden yang terlibat dapat ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 1.

Jadual 1 .Taburan Demografi Responden

	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	9	22.5
Perempuan	31	77.5
Umur		
26-30 tahun	2	5.0
31-40 tahun	19	47.5
41-50 tahun	16	40.0
51-60 tahun	3	7.5
Tahap pendidikan		
Ijazah Sarjana	11	27.5

Ijazah Sarjana Muda	29	72.5
Kelulusan ikhtisas		
Diploma Perguruan	15	37.5
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	25	62.5
Jenis sekolah		
Aliran Integrasi	40	100.0
Pengalaman		
1-5 tahun	5	12.5
5-10 tahun	12	30.0
10-15 tahun	6	15.0
15 tahun ke atas	17	42.5
Tahap kelulusan pelajar		
SKM	1	2.5
SPM	39	97.5
Lokasi sekolah		
Bandar	16	40.0
Luar Bandar	24	60.0

Data kajian diperolehi dengan menggunakan soal selidik berbentuk item tertutup dan jawapan tersedia sebagai instrumen. Soal selidik kajian diadaptasi daripada kajian lepas iaitu Azharizah dan Salleh (2011), Rohaida, Rahimi dan Syed (2017), Li, Ahmad dan Peng (2011) dan Norafifah dan Mohamad (2017). Terdapat juga item-item yang diadaptasi dari Model Perkembangan Kerjaya oleh Roth (1970). Soal selidik kajian tentang GBKSM yang dijalankan terdiri daripada 3 bahagian. Bahagian A terdiri daripada maklumat latar belakang responden. Bahagian B merangkumi 37 item bertujuan mengukur 4 konstruk persepsi GBKSM dalam menjalankan kaunseling kerjaya MBK dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran. Manakala, Bahagian C mengandungi 6 item untuk mengukur kesediaan GBKSM dalam melaksanakan kaunseling kerjaya MBK.

Skala Likert lima-mata digunakan dalam instrumen dengan julat daripada 1 (Sangat Lemah) hingga 5 (Cemerlang). Penggunaan skala likert ini sesuai dengan reka bentuk kajian yang dijalankan bagi mengawal maklum balas yang berat sebelah (Landell, 1977). Kesahan item ditentukan dengan menggunakan nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor, dan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor. Nilai korelasi bagi semua item yang diperolehi adalah antara 0.891 hingga 0.984. Nilai korelasi yang melebihi 0.4 menunjukkan item tersebut diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi (Pallant, 2011). Nilai Cronbach Alpha digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan item bagi keseluruhan aspek pementoran iaitu 0.984. Berdasarkan pandangan oleh Hair et al. (2010), nilai Cronbach Alpha bagi 43 item tersebut adalah boleh diterima dan mempunyai kebolehpercayaan tinggi.

Penganalisan data kajian dijalankan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan program SPSS versi 24.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan pertama kajian iaitu mengenal pasti persepsi guru bimbingan dan kaunseling dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya MBK. Soalan kedua kajian juga menggunakan statistik tersebut iaitu mengenal pasti pelaksanaan kaunseling

kerjaya dalam MBK. Interpretasi skor min yang digunakan untuk menentukan tahap persepsi dan kesediaan GBKSM dibahagikan kepada lima iaitu 'sangat rendah' (min = 1.0-1.8), 'rendah' (min = 1.9-2.6), 'sederhana' (min = 2.7-3.4), 'tinggi' (min = 3.5-4.2), dan 'sangat tinggi' (min = 4.3-5.0) (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Analisis inferensi pula merujuk kepada proses menganalisis dan mentafsir data yang diperolehi daripada sampel dan seterusnya membuat generalisasi terhadap populasi sesuatu kajian (Siti Rahayah, 2003). Ujian ANOVA satu hala dan ujian-t dijalankan bagi menjawab soalan ketiga kajian iaitu mengenal pasti perbezaan persepsi GBKSM dalam melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan MBK berdasarkan faktor demografi. Manakala soalan kajian keempat menggunakan Ujian korelasi Pearson iaitu mengenalpasti hubungan antara persepsi GBKSM dengan latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan MBK. Seterusnya soalan kajian kelima iaitu mengenalpasti hubungan di antara persepsi GBKSM dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya di kalangan MBK turut menggunakan ujian tersebut. Sebelum meneruskan ujian ANOVA, beberapa ujian dijalankan bagi memeriksa andaian awal analisis seperti normaliti, outliers dan multicollinearity. Hasil analisis menunjukkan bahawa tiada pelanggaran yang serius berlaku di antara kumpulan sampel.

PERBINCANGAN

Dapatan analisis deskriptif untuk mengenalpasti persepsi guru bimbingan dan kaunseling dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya murid berkeperluan khas dinilai berdasarkan skor min dan interpretasi tahap oleh BPPDP, KPM (2006). Manakala dapatan statistik inferensi korelasi Pearson untuk mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara persepsi guru bimbingan dan kaunseling dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas.

A. Tahap Persepsi GBK Dari Aspek Latihan, Pengetahuan, Kemahiran dan Kesedaran

Dalam kajian ini, persepsi guru bimbingan dan kaunseling diukur oleh 4 dimensi iaitu latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran. Daripada Jadual 4.4 di atas menunjukkan bahawa skor latihan (min = 2.39, SP = 1.02), pengetahuan (min = 2.54, SP = 0.97), kemahiran (min = 2.58, SP = 0.90) dan kesedaran (min = 3.20, SP = 0.83) adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 2: Tahap Persepsi GBK

Min	Sisihan Piawai	Tahap
------------	---------------------------	--------------

Latihan	2.39	1.02	Sederhana
Pengetahuan	2.54	0.97	Sederhana
Kemahiran	2.58	0.90	Sederhana
Kesedaran	3.20	0.83	Sederhana
Keseluruhan (Persepsi guru bimbingan dan kaunseling)	2.68	0.85	Sederhana

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Keseluruhan perbincangan dapatan kajian menggambarkan bahawa GBK masih lagi tidak mencapai tahap profesionalisme dalam profesionnya. Profesionalisme khidmat kaunseling berkeperluan khas adalah bermaksud sejauhmanakah GBK boleh menjalankan tugas secara berkesan (Johari, 2009). Keberkesanan tersebut sukar untuk dicapai sekiranya terdapat isu dan cabaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan MBK. Cabaran ini juga membataskan keupayaan GBK untuk menjalankan kaunseling kerjaya di kalangan MBK. Fenomena ini menunjukkan kurangnya keterlibatan GBKSM dalam pembangunan diri khususnya dalam proses transisi ke kerjaya murid berkeperluan khas (Mynatt & Gibbons 2015). Kurangnya keterlibatan GBKSM ini menggambarkan ketidakseimbangan profesion tersebut dalam menjalankan perkhidmatannya yang lebih kepada murid tipikal semata-mata. Tanpa disedari murid berkeperluan khas ini juga amat memerlukan bimbingan seperti mana murid tipikal. Jelaslah profesion tersebut tidak mempraktikkan amalan kaunseling dikalangan murid berkeperluan khas sebagaimana di luar negara yang menjadikan perkhidmatan tersebut sebagai pusat perkembangan pelajar (Hall, J.G, 2015).

Hasil kajian menunjukkan GBK tiada latihan yang khusus untuk mengendalikan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas. Ketiadaan latihan di institusi pendidikan yang melatih para guru mahupun latihan dalam profesional di sekolah berfokus kepada MBK menyukarkan GBKSM untuk mencapai keberhasilan dalam kemenjadian murid secara menyeluruh. Kondisi tersebut menunjukkan perkhidmatan kaunseling tidak menjalani proses transformasi seiring dengan keperluan pendidikan murid khususnya murid berkeperluan khas seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan Individu Kurang Upaya (IDEA, 2004). Rintitan daripada itu, pelbagai persoalan yang timbul dari segi kesedaran perkhidmatan tersebut terhadap perkembangan murid berkeperluan khas khususnya dalam membentuk kerjaya mereka. Tanpa kesedaran ini menggambarkan sikap tidak peduli GBKSM terhadap murid tersebut.

Selain itu, kajian menunjukkan GBK tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam satu-satu teori, satu pendekatan dan satu strategi untuk melaksanakan kaunseling kerjaya murid berkeperluan khas. Menurut Li, Ahmad dan Peng (2011) tiada satu teori yang bertepatan dengan keperluan kaunseling kerjaya murid tersebut. Walau bagaimanapun pembangunan kerjaya murid berkeperluan khas sangat bergantung pada peranan, kecekapan dan sikap kaunselor itu sendiri (Zainatul, 2011). Ini bermaksud GBKSM perlu mempunyai pengetahuan tentang psikologi orang kurang upaya bagi mencipta pendekatan dan strategi yang bersesuaian mengikut keperluan murid berkeperluan khas (Eccleston, 2010 ; Azmi et.al 2015). Pendekatan dan strategi akan tercipta apabila GBK memahami budaya MBK dengan lebih mendalam.

Justeru, keberkesanan kaunseling kerjaya juga sangat bergantung pada kemahiran GBK yang nampak seperti kurang berkemahiran apabila berhadapan dengan murid tersebut. Jadi sangatlah sukar untuk GBKSM menjalankan sesi yang lancar kerana mengikut dapatan kajian Zuria (2008) GBKSM yang mahir dan berkualiti mestilah mampu menggunakan semua ilmu kemahiran kaunseling yang dipelajari untuk menangani isu-isu yang dibawa oleh klien. Menurut Egan (2002) kemahiran kaunseling merujuk kepada kecekapan, kepandaian dan keberkesanan mengendalikan sesi kaunseling serta menjalankan perkhidmatan kaunseling yang lain. Ia mesti ada pada seseorang kaunselor sekolah terlatih bila mana ia menguasai, memahami dan mahir menggunakan teori di dalam kaunseling (Zakaria, 2010). Isu yang sering berlaku dikalangan GBK dalam mempraktikkan kemahiran kaunseling adalah dari segi komunikasi untuk memahami dan menerima mesej yang disampaikan.

Aspek kesedaran yang dikaji dalam tahap persepsi GBK dalam perkhidmatan MBK tidak mencerminkan GBK adalah seorang yang proaktif dalam membantu golongan tersebut. Dapatan kajian menyumbang kepada pemahaman tentang kesedaran guru kaunseling sekolah untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada klien MBK. Kajian ini membantu GBK sekolah memahami faktor-faktor dalaman seperti efikasi sendiri dan sikap terhadap klien berkeperluan khas yang boleh mempengaruhi kesediaan untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Hal ini memerlukan guru kaunseling mempunyai faktor-faktor kekuatan dalaman seperti efikasi sendiri dan sikap yang positif bagi memastikan kesediaannya melaksanakan sesuatu tugas (Bandura, 1986; Ajzen, 2005). Seseorang yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dan sikap yang positif akan dapat melaksanakan tugas walaupun dalam keadaan yang sukar (Lewis, 2010; Torrence, 2012; & Walker, 2008).

B. Pelaksanaan Kaunseling Kerjaya Di Kalangan Murid Berkeperluan Khas

Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan persepsi guru bimbingan dan kaunseling ($r = 0.793$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas.

Jadual 3. Pelaksanaan Kaunseling Kerjaya Di Kalangan Murid Berkeperluan Khas

	Pelaksanaan	
	r	Sig. P
Persepsi guru bimbingan dan kaunseling	.793**	.000

** $p < 0.01$

Terdapat perkaitan yang kuat di antara persepsi GBKSM dari aspek latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam melaksanakan kaunseling kerjaya dikalangan murid berkeperluan khas. Ini bermakna tahap persepsi GBKSM yang tinggi akan menentukan kemenjadian murid berkeperluan khas dalam pembinaan kerjaya mereka menerusi kaunseling kerjaya (Aida, Salleh & Abdul Yazid 2018). Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan menggambarkan kesemua domain yang mewakili tahap persepsi GBKSM berada pada tahap sederhana. Tahap persepsi yang sederhana menunjukkan kesediaan GBKSM melaksanakan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas tidak mencapai keperluan murid

tersebut sepenuhnya. Fenomena ini menunjukkan GBKSM mempunyai cabaran dan halangan untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling kerjaya di kalangan murid berkeperluan khas (Norafifah & Mohamad 2017; Rohaida, Rahimi & Syed Mohamad 2017).

KESIMPULAN

Secara lahiriahnya, murid berkeperluan khas ini sangat perlu dibantu berbanding murid normal berikutan limitasi tahap keupayaannya untuk meneroka kebolehan diri dalam membuat penyesuaian kerjaya (Seth, 2014). Oleh yang demikian, kaunseling kerjaya untuk murid berkeperluan khas ini sangat penting dalam membuat transisi kerjaya mereka ke alam pekerjaan (Gottfredson, L. S. 2005). Berdasarkan isu-isu kerjaya yang berlaku dikalangan orang-orang kurang upaya membuktikan bahawa tahap kecekapan guru kaunseling dalam memberi khidmat kaunseling kerjaya berada pada tahap yang rendah. Kecekapan yang dikaji dari sudut persepsi terhadap latihan, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran merupakan elemen penting dalam sesuatu perkhidmatan bagi melihat keberkesannya dalam melahirkan modal insan. Menurut Faizah (2012) menyatakan bahawa isu kecekapan dan kemahiran Guru Bimbingan dan Kaunseling juga kerap diperbahaskan memandangkan harapan dan kredibiliti profesion tersebut terhadap pandangan dan kehendak masyarakat.

Guru Bimbingan dan Kaunseling sering mendapat tanggapan yang negatif jika gagal memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada klien. GBK juga dipertanggungjawabkan jika tidak dapat membantu klien kerana persepsi orang ramai adalah seorang GBK seharusnya mempunyai pelbagai cara, teknik dan teori untuk membantu klien. Untuk memenuhi persepsi tersebut, tahap profesionalisme GBK perlu ditingkatkan bermula diperingkat atasannya Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). LKM disarankan untuk menyelaras semula modul perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut tingkat keupayaan klien khususnya di sekolah lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan kesihatan mental. Dengan adanya modul tersebut dapat membantu GBK menjalankan tugasnya mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian menunjukkan GBK tidak terlatih untuk menjalankan kaunseling kerjaya di kalangan MBK. Ketiadaan latihan ini menyukarkan GBK untuk mempraktikkan amalan kaunseling kerjaya di kalangan MBK (Azharizah & Salleh, 2011). Asas profesionalisme GBK bermula dari latihan yang diikuti semasa di institusi yang melatih mereka (Abdul. Md. Shuaib dan Sabora (2000). Walaubagaimanapun, setting sekolah merupakan setting terbesar bagi perkhidmatan kaunseling dan institusi pengajian tinggi awam merupakan sektor terbesar bagi latihan. Latihan kaunseling muncul dalam berbagai-bagai bentuk seperti latihan dalam perkhidmatan, latihan diperingkat ijazah pertama, diploma, sarjana dan doktor falsafah. Misi bagi program pendidikan dan latihan GBK sekolah perlulah berasaskan perkataan “melatih kaunselor berkesan bagi sekolah” dan lantaran itu kurikulum yang didedahkan kepada mereka telah dirancang dengan teliti bagi mengisi keperluan terkini dan akan datang. Program latihan, pendidikan dan latihan amali atau praktis /praktikum yang terkandung dalam kurikulum latihan kaunselor adalah asas utama bagi membentuk kaunselor yang profesional.

RUJUKAN

Abdul Halim. Md. Shuaib & Sabora (2000). Latihan Kaunseling di Malaysia: Satu ulasan dan cadangan. *Jurnal PERKAMA*, 8, 40-45

- Aida Nubailah Noor, Salleh Amat, Abu Yazid Abu Bakar (2018). Efikasi Kendiri Kaunseling dan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*, 2(2), 14-22.
- Azharizah & Salleh. (2011). Kesiediaan dan keperluan latihan kepada kaunselor sekolah dalam program pendidikan khas. *Journal of Special Education*, 1(1), 129-141.
- Abu Zubir. (2002). Persepsi pelajar terhadap guru kaunseling dari perspektif pelbagai budaya (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Azemi Shaari, Noor Azniza Ishak, Nurul Naimah Rose & Ashli Abdullah. (2015). Aplikasi Kaunseling Individu Terhadap Murid Orang. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18*, 171-184.
- Baranauskiene, I., Radzeviciene, L., Valaikiene, A., & Kossewska, J. (2012). Holistic Approach To The Vocational Counselling Of Students With Special. *Social Welfare: Interdisciplinary Approach*, 1(2), 108-122.
- Baditoi, B. E., & Brott, P. E. (2011). What school counselors need to know about special education and students with disabilities. Council for Exceptional Children.
- Buckley, M., & Mahdavi, J. N. (2018). Bringing Children from the Margins to the Page: School Counselors Supporting Students with Learning Disabilities. *Journal of School Counseling*, 16(23), n23.
- Gottfredson, L. S. (2005). Using Gottfredson's theory of circumscription and compromise in career guidance and counseling. *Career development and counseling: Putting theory and research to work*, 71-100.
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. (2016). Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 32(2),471-488
- Herbert, J. T., Lorenz, D. C., & Trusty, J. (2010). Career assessment practices for high school students with disabilities and perceived value reported by transition personnel. *Journal of Rehabilitation*, 76(4), 18.
- Johari Talib. (2009). Profesionalisme kaunselor sekolah rendah. *Malim*, 10, 159-181.
- Kamarul Shah (2014). Kecekapan guru kaunseling sekolah menengah negeri Selangor dalam mengamalkan kaunseling pelbagai budaya (Doctoral dissertation, UKM).
- Li, L. P, Muhamad, A. S., & Peng, C. F. (2011). Peranan Kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kerjaya bagi orang kurang upaya. *ATIKAN*, 1(2)
- Manchelah, N. (2017). Keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia/Manchelah Natesan (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohammad Hisham (2013). Keserasian personaliti pelajar dengan kerjaya agen pengembangan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Mynatt, B., & Gibbons, M. (2011). Preparing students with disabilities for their future careers. *Vistas*, 8, 1-7.
- Normala. (2013). Keserasian personaliti pelajar dengan kerjaya agen pengembangan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- Norafifah Bali & Mohammad Hashim Othman, M. H. (2017). Involvement and Multicultural Counselling Competency Among School Guidance and Counselling Teacher Towards Special Needs Students. *Asian Social Work Journal*, 2(1), 44-52.
- Nurul Hariza (2012). Aspirasi Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Di Politeknik (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Putra Nurwan Shah Baharuddin & Hizatul Haliza Hashim . (2004). Model Kompetensi Perkhidmatan Awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam Jilid* , 2(1): 71-98
- Ridzuan Masri, Arman Ahmad & Razlina Abd Rani (2018). Teori Maslow Dalam Konteks Memenuhi. *Teori Maslow Dalam Konteks Memenuhi*, 1-27.
- Rohaida Bakar, Rahimi Che Aman & Syed Mohamad Syed Abdullah (2017). Efikasi Kendiri, Sikap, Kesiediaan Dan Cabaran Menjalankan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas [Self-Efficacy, Attitude, Readiness And Challenges In Executing The Guidance And Counseling Service With Special Need Clients]. *Journal Of Nusantara Studies (Jonus)*, 2(2), 264-281.
- Rohaida (2017). Efikasi Kendiri, Sikap, Kesiediaan Dan Cabaran Menjalankan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas(Doctoral dissertation, UKM).
- Sarkees-Wircenski, M., & Scott, J. L. (2003). Special populations in career and technical education. Homewood, IL: American Technical Publishers.
- Wamocho, F. I., Karugu, G. K., & Nwoye, A. (2015). A framework of guidance and counselling programme for students with special educational needs in Kenya.
- Zakaria Mohamad. (2010). Pola pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori di kalangan kaunselor di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 15, 82-96
- Zainatul Azura (2011). Hubungan kecerdasan emosi dengan kecekapan kemahiran dan perkembangan personal dalam kalangan guru-guru Kaunseling daerah Kulaijaya, Johor (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).